



Kerjasama UPM-MAFC Perkasa Sektor Pengeluaran Makanan



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (dua dari kanan) bertukar dokumen MoU dengan Ketua Pegawai Eksekutif MAFC, Azizi Meor Ngah (dua dari kiri).

SERDANG, 9 April - Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Malaysian Agrifood Corporation Berhad (MAFC) menjalinkan kerjasama akademik dan penyelidikan bagi menyumbang sektor pengeluaran makanan negara.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata UPM akan membantu MAFC dalam pembangunan pertanian negara dan sosio ekonomi melalui peranan graduan UPM.

“Skop kerjasama kedua-dua belah pihak merangkumi perkongsian maklumat pengajaran dan penyelidikan, kepakaran dalam bidang pengeluaran makanan hasil pertanian, perkhidmatan runding cara dan penyelidikan.

“UPM mengambil inisiatif menjalin kerjasama dengan MAFC sebagai salah satu usaha dalam memperkasa kembali sektor pengeluaran makanan negara dengan penghasilan dan penyelidikan makanan yang lebih produktif,” katanya semasa majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di sini.

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha turut berkata kerjasama itu disebabkan kebergantungan Malaysia terhadap makanan import bagi menampung keperluan negara semakin meningkat setiap tahun.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAFC, Azizi Meor Ngah berkata tumpuan kerjasama tersebut ialah menjalin hubungan kerjasama dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.

“Selain itu, ia membuka peluang kepada graduan UPM khususnya lulusan ijazah Sains Pertanian bagi mengikuti program internship dengan MAFC sementara UPM akan menyalurkan maklumat melalui perkhidmatan runding cara dan diagnostik kepada MAFC dalam bidang agronomi dan bidang lain.



Sesi menandatangani MoU antara UPM dengan MAFC turut disaksikan oleh Dekan Fakulti Pertanian, Prof. Mad Nasir Shamsudin (kanan).

MAFC adalah salah satu agensi swasta utama dalam negara yang terlibat dalam sektor pengeluaran makanan berasaskan pertanian.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia